

Soalan 71 hingga 74

Pilih soalan yang paling sesuai bagi jawapan yang diberikan.

71. Permainan yang disukai oleh Gunalan ialah bola tampar.
A Apakah permainan yang disukai oleh Gunalan?
B Mengapakah Gunalan suka bermain bola tampar?
C Dengan siapakah Gunalan sering bermain bola tampar?
D Sejak bilakah Gunalan menyukai permainan bola tampar?
72. Nenek memetik pucuk ubi kayu di belakang rumah.
A Berapa ikatkah pucuk ubi kayu yang dipetik oleh nenek?
B Untuk apakah nenek memetik pucuk ubi kayu?
C Mengapakah nenek memetik pucuk ubi kayu?
D Di manakah nenek memetik pucuk ubi kayu?
73. Jalan ke Kampung Pulau Rusa ditutup kerana dinaiki air.
A Berapa hariakah jalan ke Kampung Pulau Rusa ditutup?
B Mengapakah jalan ke Kampung Pulau Rusa ditutup?
C Sejak bilakah jalan ke Kampung Pulau Rusa ditutup?
D Adakah jalan ke Kampung Pulau Rusa telah ditutup?
74. Keadaan mangsa kejadian tanah runtuh itu masih belum diketahui.
A Di manakah mangsa kejadian tanah runtuh itu dirawat?
B Bagaimanakah keadaan mangsa kejadian tanah runtuh itu?
C Siapakah yang merawat mangsa kejadian tanah runtuh itu?
D Adakah keadaan mangsa kejadian tanah runtuh itu belum diketahui?

Soalan 75 hingga 78

Pilih ayat yang betul.

75. A Murid yang paling tinggi sekali itu baru sahaja berpindah ke sekolah lain.
B Buah-buahan tempatan bukan sahaja enak malahan banyak khasiatnya.
C Konser penyanyi yang terkenal itu terpaksa membatalkan oleh sebab masalah yang tidak dapat dielakkan.
D Peserta ekspedisi itu menemukan barang-barang tinggalan di zaman Jepun di kawasan perkhemahan itu.
76. A Pesakit mental dapat memulihkan seperti sedia kala jika dirawat lebih awal.
B Murid yang memakai telekung mini yang berwarna biru itu ialah adik Siti Aisyah.
C Anak sulung Puan Zhi benar-benar mewariskan bakat ayahnya dalam sukan bola sepak.
D Semua penghuni-penghuni Taman Bakti hendaklah bekerjasama untuk membanteras wabak denggi.